

15/09/1997

Pelajar Bumiputera, luar bandar tidak diabai

Mohd Fuad Razali

PENGENALAN Akta Pendidikan yang baru, kebenaran menubuhkan universiti swasta dan kampus cawangan universiti asing, pengkorporatan universiti awam, penubuhan sekolah bestari dan persekolahan satu sesi adalah antara beberapa perubahan yang sedang dan sudah dilakukan. Perubahan ini disambut dengan pelbagai reaksi oleh masyarakat.

Malah, apabila Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan cadangan untuk mengkaji semula program matrikulasi yang dijalankan oleh universiti awam tempatan, juga turut menimbulkan reaksi.

Reaksi yang paling menonjol ialah kebimbangan tentang masa depan kaum Bumiputera berikutan perubahan yang dilakukan itu. Sesetengahnya menganggap perubahan yang dibuat terlalu drastik. Lalu timbul persoalan: Bagaimanakah nasib masa depan kaum Bumiputera dengan segala macam perubahan yang dilakukan itu?

Sewaktu mengadakan pertemuan dengan wartawan akhbar berbahasa Melayu, baru-baru ini, Najib mengulangi jaminan bahawa reformasi yang dilakukan tidak akan merugikan kaum Bumiputera.

Malah, menurutnya, reformasi sedemikian perlu dilakukan sesuai dengan perubahan persekitaran serta gagasan baru yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seperti Wawasan 2020 dan Koridor Raya Multimedia.

Menurutnya, semua gagasan itu memerlukan pembangunan sumber manusia serta mempunyai kaitan langsung dengan dasar pendidikan dan sistem pendidikan negara. Dengan itu, ia juga perlu mengalami perubahan.

"Sebelum ini, kita tidak ada perkara baru ini dan belum berdepan dengan cabaran seperti zaman teknologi maklumat, era globalisasi dan sebagainya."

"Bagaimanapun dengan perubahan persekitaran, Perdana Menteri sudah melancarkan gagasan baru. Kita tidak ada pilihan lain melainkan meningkatkan keupayaan sistem pendidikan negara supaya seiring dengan tuntutan perubahan dan cabaran baru," katanya.

Menurutnya, Wawasan 2020 tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa pembangunan sumber manusia dari segi kualitatif dan kuantitatif. Bagaimanapun, metodologi dan pendekatan yang dipilih mesti bersifat sistemik, bersepadu, holistik dan komprehensif. Oleh itu, perubahan seperti kurikulum bestari perlu mengambil kira teknologi dan juga perisian, latihan guru baru dan yang sedang berkhidmat, perkembangan fizikal, penyenggaraan dan status profesionalisme perguruan.

Beliau mengambil contoh pembinaan sekolah bestari yang dianggap oleh kebanyakan orang sebagai sekolah untuk kumpulan elit di bandar saja.

"Saya ingin menyangkal dakwaan ini. Sekolah ini untuk semua. Sebahagian daripada 90 sekolah pertama projek ini berada di kawasan luar bandar, termasuk pekan kecil. Ia meliputi 30 sekolah berasrama penuh (SBP) dan 70 peratus pelajar di SBP ini datang dari kawasan luar bandar. Oleh itu, kita turut memberi pendedahan kepada pelajar luar bandar," katanya.

Mengenai kompleks sekolah bestari yang canggih dan selesa dari segi pembelajaran seperti Sri Bintang di Cheras, katanya, juga tidak akan meninggalkan pelajar luar bandar kerana muatan asramanya yang boleh mengisi 400 pelajar akan memberi peluang kepada mereka yang berpotensi.

Menurutnya, penggunaan teknologi moden menerusi konsep sekolah bestari boleh merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar kerana teknologi tidak membezakan antara kedua-dua lokasi itu.

"Jika sekarang kita menghadapi masalah menempatkan guru di kawasan luar

bandar, teknologi moden memberi peluang pembelajaran dan pengajaran berkualiti yang ada di bandar sampai ke kawasan luar bandar," katanya.

Malah, katanya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga sudah bersetuju memberikan peruntukan RM150 juta kepada Kementerian Pendidikan untuk membangunkan sekolah dan rumah guru yang dianggap daif. Wang itu akan diagihkan di sekolah luar bandar untuk tujuan baik pulih.

Pelaksanaan sekolah satu sesi dalam waktu yang dipanjangkan iaitu dari jam 8 pagi hingga 4 petang pula menurutnya, bertujuan supaya waktu berhubung dengan pelajar menjadi lebih lama. Sekolah di negara maju memang mempunyai jadual persekolahan yang lebih panjang daripada di Malaysia.

"Oleh itu, kita perlu buat percubaan sama ada dapat meningkatkan kemajuan dan pencapaian pelajar. Kita menekankan supaya aktiviti keagamaan seperti Solat Zuhur berjemaah di sekolah serta Kelas al-Quran dan Fardu Ain dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan."

"Saya memberi jaminan sekolah satu sesi tidak akan menjejaskan pendidikan agama tambahan, khususnya yang dijalankan di Johor dan Selangor. Kita ada formula untuk menangani perkara ini supaya tidak menyekat peluang pelajar belajar di sekolah agama negeri. Tambahan pula kebanyakan pelajar yang menghadiri kelas ini adalah sekolah rendah. Paling tinggi pun tingkatan tiga. Oleh itu, jika hendak memperluaskan sekolah satu sesi ini, tidak akan menjejaskan kelas pendidikan agama itu," katanya.

Mengenai isu matrikulasi, Najib menjelaskan kementerianya masih lagi mengkaji perkara itu.

Menurutnya, kajian itu tidak bertujuan menghapuskannya, sebaliknya memastikan program itu lebih berkesan supaya dimantapkan untuk mencapai matlamat asal program itu diperkenalkan.

Antara aspek yang sedang dikaji ialah sama ada sistem matrikulasi ini boleh dijalankan dalam bentuk peperiksaan terbuka. Walaupun ada kelas matrikulasi untuk pelajar Bumiputera, peperiksaannya boleh juga diambil oleh pelajar lain untuk mewujudkan persaingan antara pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera, tanpa menjejaskan tempat pelajar Bumiputera.

Atau dalam jangka panjang, meneruskan program berkenaan tetapi dipindahkan di bawah pengendalian Kementerian Pendidikan supaya keupayaan universiti dapat ditingkatkan dan pensyarah boleh memberi tumpuan kepada ijazah pertama.

Tambahan pula, menurutnya, ketika ini pun ada universiti yang program matrikulasinya dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

"Saya memberi jaminan kepentingan pelajar Bumiputera tidak akan terjejas dengan apa juga keputusan muktamad yang kita buat mengenai hal ini," katanya.

Peng korporatan universiti juga menurutnya, tidak akan menjejaskan peluang kaum Bumiputera mendapat peluang melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi kerana jaminan sudah diberikan bahawa yuran tidak akan dinaikkan pada peringkat awal. Jika ada perubahan pun, ia akan dibuat secara perlahan-lahan dalam lingkungan kemampuan masyarakat.

"Penubuhan Tabung Pendidikan Negara dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM100 juta seharusnya memberi keyakinan kepada pelajar dalam hal ini," katanya.

Malah, katanya, penyertaan Bumiputera dalam institusi pendidikan tinggi swasta yang menjadi kebimbangan banyak pihak juga dapat ditentukan berada pada tahap yang lebih baik atau seimbang dengan kewujudan tabung berkenaan.

Langkah itu boleh dilakukan terutama menerusi penubuhan universiti milik badan korporat seperti Universiti Telekom, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Petronas.

"Dengan kenaikan yuran di luar negara, peranan universiti swasta

tempatan semakin penting. Dari segi kos, wang untuk menghantar seorang pelajar ke luar negara boleh digunakan untuk menghantar empat pelajar ke universiti swasta tempatan. ini adalah satu penjimatan kepada negara," katanya.

(END)